Beberapa Kajian yang dilakukan oleh para ahli tentang perbezaan peranan yang tampak antara lelaki dan perempuan antara lain: (i) Zalizan (2001); Bhasah Abu Bakar *et al.* (2009) tentang Jurang akademik hasilnya menunjukkan bahawa guru lelaki secara keseluruhannya mempunyai persepsi positif terhadap pelajar lelaki dan juga perempuan. Sedang guru perempuan mempunyai persepsi yang negatif terhadap pelajar lelaki; (ii) Wahid Hasyim (2005) tentang Matematika – Senario Aneh di Malaysia hasilnya menunjukkan bahawa pelajar perempuan lebih cemerlang dibanding pelajar lelaki.

Kajian yang dilakukan oleh (i) Fathiyah Abu bakar (1997) menunjukkan bahawa terdapat perbezaan gaya pengurusan konflik yang diguna oleh pengetua lelaki dan wanita di mana pengetua lelaki lebih cenderung menggunakan gaya mengelak manakala pengetua wanita cenderung menggunakan gaya tolak ansur; (ii) Mohamad Hussin Matrashid (1997) hasilnya bahawa gaya pengetua wanita lebih menjurus kepada gaya demokratik, cenderung menggalakkan penglibatan, perkongsiaan kuasa dan maklumat serta lebih suka untuk memimpin melalui karisma, kepakaran, hubungan dan kemahiran intrapersonal untuk mempengaruhi orang lain. Sedang pengetua lelaki lebih suka dengan gaya pengarahan dan mempengaruhi orang lain dengan cara kawalan.

Daripada hasil kajian tersebut membuktikan bahawa terdapat perbezaan antara pengetua lelaki dan pengetua perempuan baik daripada sisi prestasi belajar mahupun strategi dan gaya pengurusan konflik antara pengetua lelaki dan pengetua perempuan, perkara inilah yang mendorong penyelidik untuk menyiasat perbezaan

antara pengetua lelaki dan pengetua perempuan dalam strategi pengurusan konflik para pengetua sekolah menengah atas di Makassar.

1.2.3 Konflik dan Tempoh Perkhidmatan

Daripada kajian lepas (seperti Irwandi Tarigan, 2010 dan Satro Adi, 2010) membuktikan bahawa tempoh perkhidmatan berpengaruh terhadap prestasi kerja seseorang dalam suatu organisasi. Mereka mendapati bahawa tempoh perkhidmatan berpengaruh pada prestasi kerja pekerja dalam suatu organisasi. Seperti halnya di sekolah, kajian oleh Irwandi Tarigan (2010) dan Satro Adi (2010) juga menyimpulkan bahawa tempoh perkhidmatan pengetua dan guru akan mempengaruhi cara-cara dalam mengurus sekolah dan pengajaran. Ertinya, tempoh perkhidmatan pengetua sekolah akan mempengaruhi cara-cara mereka dalam mengurus sekolah sedangkan tempoh perkhidmatan guru akan menjejaskan kualiti pengajaran mereka dikelas. Guru yang mempunyai pengalaman mengajar yang lebih lama berpotensi untuk mempunyai kualiti pengajaran yang lebih baik kerana kompetensi pedagogi mereka telah diguna dalam mengajar dalam tempoh yang lama.

Pada kajian lepas tersebut (seperti Irwandi Tarigan, 2010 dan Satro Adi, 2010) membuktikan pula bahawa tempoh perkhidmatan berpengaruh dan signifikan terhadap kerja seseorang dalam suatu organisasi. Pengetua sekolah dengan tempoh perkhidmatan yang cukup seharusnya boleh menjadikan sekolah itu berprestasi dan merupakan suatu bahan kajian bagi penyelidik untuk melihat pengaruh tempoh perkhidmatan terhadap prestasi pengetua sekolah disekolah. Lebih khusus lagi, bahawa sama ada tempoh perkhidmatan yang dimiliki oleh pengetua sekolah berpengaruh dan signifikan terhadap pengurusan konflik yang ada di sekolah menengah atas di Makassar.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam organisasi persekolahan mengikut Politis (2005); Leithwood *et al.* (2010) pengetua sekolah adalah bahagian yang tidak terpisahkan daripada sekolah dan menjadi pemimpin sekolah, ia mempengaruhi pelbagai faktor dalam sekolah. Bossert (1982) dan Hsiao *et al.* (2009) mentakrifkan kelakuan pengetua sekolah langsung mempengaruhi pola iklim dan organisasi pengajaran. Pengetua sekolah selaku pemimpin organisasi jika berlaku konflik harus bijak untuk menguruskannya. Konflik atau percanggahan personaliti mungkin timbul akibat tugas yang dipertanggungjawabkan tidak jelas atau bercanggah daripada berbagai sudut, termasuk sudut pengetahuan dan strategi pengetua sekolah (Duetsch; Coleman dan Marcus, 2006; Webb dan Norton, 2003). Mengikuti Kotter (1988), konflik dalam organisasi wujud kerana perbezaan antara unit atau individu sebagai akibat daripada tahap pengetahuan dan penggunaan strategi pengurusan konflik di kalangan pengetua sekolah.

Pengetua sekolah sebagai penanggung jawab dalam penyelenggaraan pendidikan di sekolah mempunyai posisi yang sangat strategik. Pengetua sekolah diharapkan untuk lebih mencurahkan perhatian pada organisasi yang dipimpinnya dalam rangka mencapai matlamat secara berkesan dan cekap, tuntutan akan semakin menguat selari dengan pelbagai perubahan secara global yang semakin kompleks dan sarat dengan cabaran (Depdiknas, 2011).

Dalam kajian Johnson dan Johnson (1994) mentakrifkan bahawa sekolah penuh dengan konflik. Mengikut kajian Hodson (1997) menunjukkan konflik antara individu dengan individu mempunyai hubungan yang negatif dan signifikan. Oleh itu, tidak menghairankan jika konflik berlaku di sekolah. Pengetua sekolah, Guru dan pentadbir adalah penyebab konflik di sekolah tetapi sentiasa diabaikan. Konflik adalah sesuatu yang benar (DiPaola & Hoy, 2001) tidak dielakkan dan itu normal (Almost, 2006; Cornille; Pestle & Vanwy, 1999; Al-Hamdan; Shukri & Anthony, 2011). Yang paling penting adalah bagaimana pemimpin menguruskan konflik (Pfeffer, 1995) untuk matlamat dan perkembangan organisasi.

Menurut Wirawan (2002), pengetua sekolah merupakan suatu proses bukan sesuatu yang berlaku secara kebetulan. Keberadaannya harus boleh mempengaruhi dan meyakinkan di dalam dan di luar organisasi untuk bekerja dan membantu kearah pencapaian matlamat organisasi (Lee Ong Kim, 1994). Dalam organisasi, konflik tidak boleh dielakkan kerana pelbagai faktor yang boleh menjadi penyebab. Yang menjadi soalan ialah bukan bagaimana mengurangkan konflik, tapi bagaimana pengendalian konflik secara tepat sehingga tidak merosakkan hubungan interpersonal dan matlamat organisasi (Myers, 1993). Pelbagai pendapat dikemukakan para ahli tentang strategi pengurusan konflik, namun tidak semua pendapat tersebut benar kerana dalam pengurusan konflik tergantung kepada keadaan konfliknya (Thomas, 1977).

Daripada beberapa kes konflik yang berlaku pada sekolah menengah atas di Makassar antara lain SMAN 2 Makassar, SMAN 17 Makassar, SMAN 21 Makassar dan SMA 22 Makassar (Kompas, 2010; & Ujungpandangekspres, 2012) serta hasil temubual tentang konflik di SMA kota Makassar, maka dapat disimpulkan bahawa konflik yang berlaku di sekolah-sekolah menengah atas di Makassar cukup tinggi dan tidak diselesaikan dengan baik.

Lebih khusus lagi kajian sebelumnya oleh Purwoko (2009) tentang proses konflik dan pengurusan konflik pada pelajar di Surabaya berdasarkan dinamika psikologi mendedahkan bahawa, daripada pada 700 pelajar daripada lapan Sekolah Menengah Atas di Surabaya disimpulkan bahawa konflik yang berlaku antara pelajar dengan pelajar daripada lapan sekolah tersebut mencapai 92 peratus. Perkara ini kerana tidak puasnya pelajar dengan perkhidmatan oleh guru-guru (73 peratus responden menyatakan tidak puas). Tahap perkhidmatan guru terhadap pelajar rendah disebabkan adanya ketidak harmonisan antara pengetua sekolah dengan guru-guru di sekolah berkenaan. Jadi pada dasarnya konflik yang berlaku antara pelajar dengan pelajar merupakan akibat adanya konflik antara pengetua sekolah dengan guru-guru.

Kajian-kajian lepas tentang konflik di atas menunjukkan bahawa konflik di sekolah berlaku kerana faktor dinamika psikologi, ketidakpuasan perkhidmatan, ketidakharmonisan antara pengetua dan guru, dan hubungan interpersonal. Kajian-

kajian lepas di atas tiada secara khusus membahas tentang pengetahuan dan strategi pengurusan konflik di kalangan pengetua sekolah menengah atas. Oleh itu, kajian ini bertumpu kepada masih perlunya pendalaman untuk memahami pengetahuan dan strategi pengurusan konflik di kalangan pengetua sekolah menengah atas. Kajian ini diperlukan dalam proses menyelesaikan konflik kerana tidak hanya tumpuan pada penyelesaiannya tapi lebih kepada pengurusan konflik yang profesional dengan mengurangkan berlakunya konflik di sekolah supaya tidak menimbulkan kerugian, justeru membawa kesan yang konstruktif bagi individu-individu yang terlibat. Oleh itu, rekomendasi kajian ini nantinya diperlukan suatu pelatihan (DIKLAT) pengurusan konflik bagi pengetua sekolah sekurang-kurangnya satu kali dalam satu tahun. Selama ini Departemen Pendidikan Nasional hanya melakukan DIKLAT pengurusan konflik untuk calon pengetua sekolah (Depdiknas, 1998) dan tidak lagi dilaksanakan setelah menjadi pengetua sekolah. Pengetahuan yang dimiliki oleh pengetua diharapkan mampu mengurangkan kekerapan berlakunya konflik di sekolah dengan strategi pengurusan konflik yang prospektif dan realistik.

Kajian ini akan melihat sumbangan pengetahuan pengetua pada pengurusan konflik di sekolah. Selain itu, kajian ini juga akan mendedahkan strategi pengurusan konflik dilihat daripada perbezaan etnik, jantina, dan tempoh perkhidmatan. Hasil daripada pada dapatan pada kajian ini, boleh menjadi bahan masukan pada pengurusan konflik di sekolah.

1.4 Objektif Kajian

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengetahui tahap pengetahuan dan strategi pengurusan konflik bagi kalangan pengetua sekolah pada Sekolah Menengah Atas di Makassar. Secara spesifik, objektif kajian ini adalah untuk:

- i. Menentukan tahap pengetahuan pengetua tentang pengurusan konflik di sekolah.
- ii. Menentukan strategi yang diguna pengetua dalam menguruskan konflik di sekolah.

- iii. Mengenal pasti masalah yang dihadapi oleh pengetua dalam mengurus konflik di sekolah.
- iv. Mengenal pasti perbezaan tahap pengetahuan pengetua tentang pengurusan konflik mengikut etnik, jantina, dan tempoh perkhidmatan.
- v. Mengenal pasti perbezaan strategi pengurusan konflik dalam kalangan pengetua mengikut etnik, jantina, dan tempoh perkhidmatan.
- vi. Mengenal pasti pengaruh tahap pengetahuan terhadap strategi pengurusan konflik di kalangan pengetua di sekolah.
- vii. Mengenal pasti pengaruh etnik terhadap strategi pengurusan konflik bagi kalangan pengetua di sekolah.
- viii. Mencadangkan model pengurusan konflik yang sesuai digunakan di sekolah menengah atas di Makassar.

1.5 Persoalan Kajian

Untuk memudahkan proses pengumpulan dan analisis data untuk mencapai objektif-objektif yang dinyatakan, maka kajian ini cuba menjawab soalan-soalan berikut:

- i. Apakah tahap pengetahuan pengetua tentang pengurusan konflik di sekolah?
- ii. Apakah strategi yang diguna pengetua dalam menguruskan konflik di sekolah?
- iii. Apakah masalah yang dihadapi oleh pengetua dalam mengurus konflik di sekolah?
- iv. Apakah terdapat perbezaan tahap pengetahuan pengetua tentang pengurusan konflik mengikut etnik, jantina, dan tempoh perkhidmatan?
- v. Apakah terdapat perbezaan strategi pengurusan konflik dalam kalangan pengetua mengikut etnik, jantina, dan tempoh perkhidmatan?
- vi. Apakah terdapat pengaruh tahap pengetahuan terhadap strategi pengurusan konflik di kalangan pengetua di sekolah?
- vii. Adakah terdapat pengaruh etnik terhadap strategi yang diguna pengetua dalam mengurus konflik di sekolah?

- viii. Apakah model pengurusan konflik yang sesuai digunakan di sekolah menengah atas di Makassar?

1.6 Hipotesis Kajian

Perdasarkan persoalan kajian (iv) dan (v) yang dibina daripada kerangka konsep kajian yang telah dibentuk, hipotesis bagi kajian ini adalah sebagai berikut:

- Ho 1: Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan pengetua tentang pengurusan konflik mengikut etnik.
- Ho 2: Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan pengetua tentang pengurusan konflik mengikut jantina.
- Ho 3: Tidak terdapat perbezaan tahap pengetahuan pengetua tentang pengurusan konflik mengikut tempoh perkhidmatan.
- Ho 4: Tidak terdapat perbezaan strategi pengurusan konflik dalam kalangan pengetua mengikut etnik.
- Ho 5: Tidak terdapat perbezaan strategi pengurusan konflik dalam kalangan pengetua mengikut jantina.
- Ho 6: Tidak terdapat perbezaan strategi pengurusan konflik dalam kalangan pengetua mengikut tempoh perkhidmatan.
- Ho 7: Tidak terdapat pengaruh tahap pengetahuan tentang pengurusan konflik terhadap strategi pengurusan konflik pengetua dalam menguruskan konflik di sekolah.
- Ho 8: Tidak terdapat pengaruh etnik terhadap strategi yang diguna pengetua dalam menguruskan konflik di sekolah.

1.7 Rasional Kajian

Dengan kemajuan dan tuntutan yang semakin meningkat di bidang pendidikan khususnya di persekolahan, maka pengetua sekolah semakin perlu mendapat perhatian. Kemampuan pengetua sekolah menjadi sorotan utama dalam menjalankan pendidikan di peringkat sekolah (Wahjosumidjo, 2002). Kemampuan pengetua perlu mengikuti tuntutan masyarakat dan kemajuan tuntutan kehidupan moden. Tanggung jawab pelaksanaan pendidikan di peringkat sekolah ada pada pengetua sekolah. Maknanya adalah apabila pengetua sekolah mempunyai kemampuan yang cukup dalam menguruskan sekolah, maka sekolah itu boleh berjaya.


Salah satu pengurusan sekolah yang menjadi sorotan sebagai tanggung jawab pengetua sekolah adalah pengurusan konflik yang berlaku di sekolah baik inter dan antara sekolah sebagaimana yang dikemukakan oleh Wahjosumidjo (2010) bahawa tugas utama pengetua sekolah adalah menguruskan konflik. Pengurusan konflik yang profesional akan berkesan baik terhadap pengurusan bidang yang lainnya di sekolah termasuk pencapaian prestasi sekolah (Mulyasa, 2003). Kes inilah yang menjadi punca kegagalan pengetua sekolah dalam menguruskan perkara-perkara di sekolah sehingga sekolah gagal pula dalam mencapai kejayaan.

Oleh itu, untuk mempertahankan kemampuan pengetua sekolah dalam menguruskan sekolah, maka salah satu kemampuan yang harus dibina adalah kemampuan pengurusan konflik. Dengan pengetahuan pengurusan konflik yang profesional, pengetua sekolah dalam memimpin boleh mencapai kejayaan. Tentu pengetua sekolah harus mempunyai pengetahuan yang benar tentang konflik yang berlaku di sekolah sama ada konflik itu antara kakitangan atau guru di sekolah mahupun dengan pihak di luar sekolah. Seterusnya, dengan pengetahuan tentang konflik itu, pengetua sekolah diharapkan boleh menerapkan strategi pengurusan konflik yang sesuai mengikut jenis-jenis konflik yang berlaku.

Kajian ini akan menyiasati pengetahuan konflik pengetua sekolah sama ada menyumbang kepada pengurusan konflik yang dijalankan dengan pelbagai strategi mahupun tidak. Selain itu, kajian ini juga akan menyiasat sama ada etnik mempunyai perbezaan dalam pengurusan konflik di sekolah. Dengan memahami pengetahuan pengurusan konflik bagi pengetua sekolah dan strategi yang digunanya, maka boleh merancang suatu model program latihan untuk menyusun strategi pengurusan konflik khasnya untuk pengetua sekolah.

1.8 Kerangka Teori Kajian

Kerangka teori yang diguna dalam kajian ini dibina daripada gabungan teori pengetahuan pengurusan konflik dan teori strategi pengurusan konflik, seperti ditunjukkan pada Rajah 1.1 berikut ini.



Rajah 1.1: Kerangka Teori Kajian Pengurusan Konflik Diadaptasi daripada Moore (2003); Pengetua Sekolah Disesuaikan daripada De Roche (1985); Hasibuan (2005) dan Wahjosumidjo (2010) dan Pengetahuan Pengurusan Konflik Disesuaikan daripada Sunaryo dan Laxman Joshi (2003)

Kerangka teori kajian yang ditunjukkan pada Rajah 1.1 merupakan rangkaian atau gabungan daripada pengetahuan tentang pengurusan konflik (Sunaryo dan Laxman Joshi , 2003) bagi pengetua sekolah, strategi pengurusan konflik (Moore, 2003) bagi pengetua sekolah (De Roche, 1985) sebagai bahagian daripada penyelesaian konflik di sekolah menengah atas. Pengetahuan pengurusan konflik menurut Sunaryo dan Laxman Joshi (2003) adalah usaha serentak dan sistematik dalam mengambil keputusan pada suatu organisasi, termasuk sekolah. Pengetahuan pengurusan konflik bagi pengetua sekolah meliputi pandangan tentang konflik, jenis-jenis konflik, tahap konflik, penyebab konflik, dan penyelesaian konflik. Dengan kelima-lima aspek pengetahuan pengurusan konflik bagi pengetua sekolah diprediksikan dapat menjalankan strategi yang tepat dalam pengurusan konflik di sekolah. Strategi pengurusan konflik yang dinyatakan oleh Moore (2003) adalah suatu cara atau perancangan yang mempunyai nilai lebih mengandungi kegiatan yang direka untuk mencapai matlamat dan kejayaan organisasi, termasuk sekolah. Strategi pengurusan konflik mengikut Moore (2003) terdiri daripada mengelak, penyelesaian secara informal, perundingan, pengantaraan, penimbangtaraan, campur tangan pihak berkuasa yang cekap, campur tangan lembaga politik, kemunculan pihak lain, dan penanganan oleh pihak yang mempunyai kekuatan.

Pengetahuan menurut Sunaryo dan Laxman Joshi (2003) adalah keupayaan manusia untuk memahami dan mentafsirkan baik hasil pemerhatian mahupun pengalaman secara terus menerus. Namun secara khas lagi ditakrifkan bahawa pengetahuan pengurusan konflik merupakan usaha serentak dan sistematik dalam mengambil keputusan untuk menguruskan orang-orang pada suatu organisasi. Usaha sistematik dan serentak itu dijalankan untuk menguruskan konflik dengan menggunakan sumber-sumber yang dipercayai untuk mencapai matlamat yang ditentukan. Kemudian pendapat ini disokong oleh Notoatmodjo, 2005; Kortono, 1994; Pidarta, 1998; Toha, 1995; dan Terry, 1993. Mengikut Hadoko (1984) bahawa konflik adalah tidak boleh dielakkan dalam suatu organisasi yang melibatkan kumpulan orang-orang termasuk dalam sekolah sebagai organisasi dibidang perkhidmatan akademik.

Oleh itu, lebih khusus lagi dinyatakan oleh Mura *et al.* (2010) dan Alper *et al.* (2000) bahawa organisasi sekolah semakin hari semakin kompleks terutamanya dalam pelaksanaan pelbagai tugas dan tanggung jawab yang berkaitan dengan peningkatan kualiti pendidikan. Pengetua sekolah tentu diharapkan mempunyai pengetahuan tentang konflik iaitu pandangan tentang konflik, jenis-jenis konflik, tahap berlakunya konflik, punca konflik, dan pengurusan konflik. Dengan pengetahuan pengurusan konflik tersebut, maka tentu pengetua sekolah akan melaksanakan strategi pengurusan konflik yang boleh mempertahankan kualiti pendidikan pada sekolah yang dipimpin.

Seterusnya, Moore (2003) menunjukkan beberapa proses menjalankan strategi pengurusan konflik iaitu daripada destruktif menjadi konstruktif. Moore (2003), menawarkan strategi pengurusan konflik yang prospektif dan berkesan iaitu mengelak, pengurusan secara informal, perundingan, penghantaran, pemunculan pihak lain, penimbangtaraan, campur tangan pihak berkuasa yang cekap, campur tangan lembaga politik, kekuatan legal. Daripada sembilan strategi penyesuaian konflik yang ditawarkan oleh Moore (2003), tujuh akan diguna dalam kajian ini. Ketujuh strategi tersebut dapat dijalankan dibidang pendidikan khasnya pengetua sekolah dalam menguruskan konflik di sekolahnya.


Strategi pengurusan konflik dengan pemunculan pihak lain mengikut Moore (2003) iaitu Strategi penyelesaian konflik oleh pihak ketiga berdasarkan kepentingan terhadap pihak-pihak yang berkonflik dimana pihak ketiga yang juga punya kepentingan akan memberikan keputusan kepada salah satu pihak yang sesuai dengan kepentingan pihak ketiga sehingga keputusan pihak ketiga dinilai oleh satu pihak tidak memberikan rasa adil. Pengurusan konflik dengan kekuatan legal (Moore 2003) merupakan suatu bentuk pengurusan dengan menggunakan kekuatan untuk memaksa atau memujuk pihak lawan untuk patuh atau menyerah. Jadi kedua penyelesaian konflik daripada Moore (2003) tidak memberikan keadilan terhadap pihak-pihak yang berkonflik.

Menurut Novri susan (2008) bahawa model pengurusan konflik Moore (2003) merupakan model pengurusan konflik yang berpotensi menciptakan ketidakadilan. Oleh itu kedua-dua strategi penyelesaian konflik tersebut tidak diguna dalam

penyelesai konflik di sekolah dengan alasan sebagai berikut: (i) kedua-dua pengurusan konflik ini berpotensi mewujudkan ketidakadilan, sebab kemunculan pihak lain yang bertindak sebagai pihak ketiga membuat keputusan terhadap pihak yang berkonflik secara pribadi berdasarkan kepentingannya tanpa mempertimbangkan kepentingan pihak-pihak yang berkonflik, begitu pula konflik yang ditangani oleh pihak yang mempunyai kekuatan, melakukan pemaksaan atau membujuk pihak lawan untuk patuh atau menyerah sehingga kedua-dua pengurusan konflik ini tidak memberikan rasa keadilan dan (ii) kajian hanya pada skop intraksi sosial yang lebih kecil iaitu pengurusan konflik di sekolah menengah atas di Makassar.

1.9 Kerangka Konsep Kajian

Pembangunan kerangka konsep kajian ini menggunakan teori pengetahuan pengurusan konflik bagi pengetua sekolah daripada Sunaryo dan Laxman Joshi (2003) iaitu pandangan tentang konflik, jenis konflik, tahap konflik, penyebab konflik dan pengurusan konflik. Sedangkan teori daripada Moore (2003) tentang strategi pengurusan konflik iaitu mengelak, pengurusan masalah secara informal, perundingan, penghantaran, penimbangtaraan, campur tangan pihak berkuasa yang cekap dan campur tangan lembaga politik.



Rajah 1.2: Kerangka Konsep Kajian

Kerangka konsep kajian pada Rajah 1.2 mencuba menghubungkan pengetahuan pengurusan konflik (Sunaryo dan Laxman Joshi, 2003) dan strategi pengurusan konflik (Moore 2003). Pengetahuan pengurusan konflik yang perlu diketahui oleh pengetua antara lain pandangan tentang konflik, jenis konflik, tahap konflik, penyebab konflik dan pengurusan konflik, sedangkan strategi pengurusan konflik terdiri daripada mengelak, pengurusan masalah secara informal, perundingan, penghantaran, penimbangtaraan, campur tangan pihak berkuasa yang cepak dan campur tangan lembaga politik. Kesemua komponen pengetahuan akan dihubungkan dengan kesemua komponen strategi pengurusan konflik. Seterusnya, kedua-dua pengetahuan pengurusan konflik dan strategi pengurusan konflik pengetua sekolah akan dilihat menurut etnik, jantina dan tempoh perkhidmatan. Hubungan keduanya akan menjadi jangkaan pengurusan masalah yang menimbulkan konflik di sekolah masing-masing.

1.10 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting kepada pengetua dalam menguruskan konflik disekolah yang boleh muncul daripada perbezaan latar belakang etnik, jantina, dan tempoh perkhidmatan. Dengan pengetahuan pengurusan konflik yang baik daripada pengetua sekolah diharapkan dapat menguruskan konflik dengan strategi pengurusan konflik yang tepat supaya konflik boleh menjadi fungsional. Pengurusan konflik yang tepat boleh menjadikan hubungan dalaman dan luaran sekolah begitu pula dengan organisasi lain di luar sekolah menjadi lebih baik.

Kajian ini diharapkan pula dapat menyumbangkan ilmu tentang kepengurusan konflik dalam dunia pendidikan khususnya di kalangan pengetua sekolah, guru, kaki tangan sekolah, pelajar, dan jawatan kuasa sekolah, untuk mencegah dan mengatasi konflik yang berlaku di sekolah supaya tercipta suasana yang nyaman dan menyenangkan. Secara individu, dapatan kajian ini diharapkan bermanfaat sebagai asas dan panduan bagi kajian selanjutnya yang berkaitan dengan pengurusan konflik.

Kepentingan kajian ini adalah memberi sumbangan daripada segi teoritikal dan praktikal. Secara teoritikal, kajian ini dapat memberi pemahaman kepada pengetua-petgetua sekolah menengah atas di Makassar mengenai amalan kesan pengetahuan terhadap strategi yang diguna dalam pengurusan konflik di sekolah. Di samping itu, kajian ini turut memberi sumbangan kepada pembinaan suatu model baru yang berkaitan dengan elemen-elemen penting dalam pengetahuan yang berpengaruh terhadap strategi yang diguna oleh pengetua sekolah dalam pengurusan konflik di sekolah menengah atas.

Kesemua kajian ini memberi empat sumbangan utama dalam pengurusan sekolah menengah atas, iaitu:

- i. Dapat menentukan perbezaan strategi pengurusan konflik dalam kalangan pengetua mengikut jantina dan tempoh perkhidmatan;

- ii. Dapat menentukan pengaruh pengetahuan pengurusan konflik pengetua sekolah terhadap strategi pengurusan konflik pada sekolah menengah atas di Makassar;
- iii. Dapat menentukan pengaruh elemen-elemen pengetahuan pengurusan konflik pengetua sekolah terhadap strategi pengurusan konflik pada sekolah menengah atas di Makassar;
- iv. Dapat menentukan pengaruh etnik terhadap strategi pengurusan konflik pengetua dalam pengurusan konflik di sekolah;
- v. Memberi kesedaran kepada pengetua sekolah tentang pentingnya pengetahuan pengurusan konflik untuk menjalankan strategi pengurusan konflik yang dapat menyokong terlaksananya proses pengajaran atau kelangsungan proses pendidikan di sekolah menengah atas di Makassar.

1.11 Skop dan Batasan Kajian

- i. Kajian ini hanya tertumpu pada pengurusan konflik di kalangan para pengetua Sekolah Menengah Atas di Makassar kerana pengurusan konflik di sekolah menjadi potensi utama untuk menciptakan sekolah yang tertib dan aman untuk menjalankan proses pengajaran. Dengan proses pengajaran yang tertib dan aman, sekolah tentu mempunyai peluang dan kesempatan yang luas untuk berjaya mencapai prestasi yang tinggi. Oleh itu, kajian ini hanya melibatkan pengetua dan guru pada Sekolah Menengah Atas di Makassar sebagai sampel.
- ii. Hasil kajian ini tidak boleh digeneralisasikan kepada pengetua sekolah menengah atas pada daerah lain dengan etnik yang berbeza kerana etnik yang dilibatkan pada kajian ini (Bugis, Makassar, Mandar dan Toraja) mempunyai potensi yang berbeza dengan etnik lainnya di Indonesia. Selain itu, etnik Bugis, Makassar, Mandar dan Toraja yang berkembang di tempat atau daerah lain dan bertanggung jawab sebagai pengetua sekolah menengah atas sudah mempunyai karakter yang berbeza dengan yang berkembang di Makassar Sulawesi Selatan.

- iii. Kajian ini hanya mengkaji tentang pengetahuan dan strategi pengurusan konflik di kalangan pengetua Sekolah Menengah Atas di Makassar kerana kompetensi ini menjadi salah satu penentu untuk menguruskan kejayaan pendidikan di peringkat sekolah menengah atas. Maknanya, pengetua sekolah dengan kompetensi pengurusan konflik yang baik mempunyai potensi untuk menguruskan sekolah dengan baik pula.
- iv. Instrumen yang diguna pada kajian ini ialah soal selidik dan soalan temubual tentang pengetahuan dan strategi pengurusan konflik pengetua Sekolah Menengah Atas di Makassar. Kerana kajian ini menggunakan dua instrumen iaitu soal selidik dan soalan temubual, maka reka bentuk gabungan kuantitatif dan kualitatif eksplanatori diguna. Reka bentuk ini diguna untuk menganalisis data dan mendapatkan hasil kajian yang lebih detail dan lebih mendalam.

1.12 Definisi Operasional

1.12.1 Pengetua

Menurut De Roche (1985) dan Hasibuan (2005), pengetua adalah seseorang yang mempunyai beberapa kompetensi dan kepimpinannya teruji, mampu mempengaruhi, memotivasi dan mengatasi masalah serta dipercayai memimpin.

Mengikut Wahjosumidjo (2010), pengetua ialah seorang yang dengan jalan memulakan sifat-sifat, kelakuan peribadi, pengaruh terhadap orang lain, pola-pola intraksi, hubungan kerja sama antarperan, kedudukan daripada satu jabatan pentadbiran, dan persepsi daripada lain-lain tentang kekuatan pengaruh.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan pengetua adalah seseorang yang mempunyai kompetensi dan kepimpinan teruji, mampu memulakan sifat-sifat, kelakuan, pola interaksi, hubungan kerja sama, mempengaruhi, memotivasi dan mengatasi masalah-masalah serta dipercayai memimpin. Pengetua yang dimaksudkan dalam kajian ini ialah pengetua sekolah menengah atas di Makassar

1.12.2 Pengetahuan Pengurusan Konflik

Pengetahuan pengurusan konflik yang diguna dalam kajian ini merujuk kepada teori Sunaryo dan Laxman Joshi (2003). Daripada teori pengetahuan pengurusan konflik menurut Sunaryo dan Laxman Joshi (2003) boleh disimpulkan bahawa pengetahuan pengurusan konflik adalah usaha serentak dan sistematik dalam mengambil keputusan pada suatu organisasi. Sekolah merupakan organisasi yang penuh dengan konflik (Johnson & Johnson, 1996). Pengetua sekolah tentu diharapkan mempunyai pengetahuan tentang konflik meliputi pandangan tentang konflik, jenis-jenis konflik, tahap konflik, penyebab konflik, dan pengurusan konflik. Dengan pengetahuan tersebut diharapkan pengetua sekolah dalam melaksanakan strategi pengurusan konflik serta boleh menambahbaikkan kualiti pendidikan pada sekolah yang dipimpin.

1.12.2.1 Pandangan Dalam Konflik

Pandangan dalam konflik adalah pandangan seseorang tentang konflik yang berlaku pada suatu organisasi. Menurut Stoner dan Freeman (1989) membahagikan pandangan tentang konflik tersebut menjadi dua bahagian iaitu (i) pandangan tradisional yang menganggap semua konflik buruk yang harus dielakkan; (ii) pandangan moden berpandangan konflik tidak dapat dielakkan kerana beberapa faktor antara lain struktur organisasi, perbezaan matlamat, persepsi dan nilai. Mengikut Myers (1993) membagi konflik menjadi dua pandangan iaitu (i) pandangan tradisional menganggap konflik sebagai sesuatu yang buruk yang harus dielakkan; (ii) pandangan kontemporari menganggap konflik sesuatu yang tidak dapat dielakkan sebagai konsekuensi logik daripada interaksi manusia.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan pandangan tentang konflik adalah (i) pandangan tradisional: semua konflik buruk harus dielakkan, dalam organisasi yang baik tidak ada konflik, konflik harus dihilangkan kerana dapat mengganggu organisasi; (ii) pandangan moden: konflik sesuatu yang tidak boleh

dielakkan, konflik boleh meningkatkan prestasi organisasi, konflik wajar berlaku pada suatu organisasi, konflik itu baik kerana boleh merangsang orang memecahkan penyebab konflik. Konflik diperlukan dalam pengurusan dan pengurusan secara tepat untuk tidak merosakkan hubungan interpersonal dan merosakkan matlamat organisasi.

1.12.2.2 Jenis-Jenis Konflik

Jenis-jenis konflik adalah jenis konflik yang biasa berlaku dalam suatu organisasi. menurut Ruchyat (2001) konflik terbahagi kepada enam jenis iaitu (i) konflik intrapersonal; (ii) konflik interpersonal; (iii) konflik intragroup; (iv) konflik intergroup; (v) konflik intraorganisasi; (vi) konflik interorganisasi. Pendapat ini sama yang dikemukakan oleh Mulyasa (2003) dan Gordon (1991) yang juga membahagi konflik kepada enam jenis seperti yang tersebut diatas.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan jenis-jenis konflik adalah jenis konflik yang berlaku dalam suatu organisasi berdasarkan Ruchyat (2001); Mulyasa(2003) dan Gordon (1991) yang terdiri atas (i) konflik intrapersonal; (ii) konflik interpersonal; (iii) konflik intrakumpulan; (iv) konflik interkumpulan; (v) konflik intraorganisasi; dan (vi) konflik interorganisasi.

1.12.2.3 Tahap Konflik

Tahap konflik adalah tahap dimana konflik tidak berlaku secara tiba-tiba melainkan melalui tahap-tahap tertentu (Robbins, 2003). Tahap tersebut adalah (i) tahap pembangkang atau ketidakcocokan berpotensi (ii) tahap kognisi dan peribadi (iii) tahap maksud (iv) tahap kelakuan (v) tahap hasil. Mengikut Mulyasa (2002) mengtakrifkan bahawa konflik berlangsung dalam lima tahap iaitu (i) tahap yang berpotensi (ii) tahap terasakan (iii) tahap percanggahan (iv) konflik terbuka (v) akibat konflik.

Yang dimaksudkan tahap konflik dalam kajian ini adalah tahap dimana konflik itu berlaku dan mengikuti pola yang teratur. Tahap tersebut adalah (i) tahap berpotensi iaitu munculnya perbezaan diantara individu, organisasi dan persekitaran; (ii) tahap terasakan iaitu apabila perbezaan muncul dirasakan oleh individu, dan mula memikirkannya; (iii) tahap percanggahan iaitu apabila konflik berkembang menjadi perbezaan pendapat diantara individu, kumpulan, dan organisasi yang saling bercanggahan; (iv) tahap kelakuan iaitu kelakuan konflik secara terang-terangan berupaya untuk melaksanakan maksud setiap pihak; (v) konflik terbuka iaitu tahap apabila percanggahan berkembang menjadi permusuhan; dan (vi) akibat konflik iaitu tahap apabila konflik menimbulkan kesan terhadap kehidupan dan prestasi organisasi.

1.12.2.4 Penyebab Konflik

Penyebab konflik adalah berlakunya konflik dalam organisasi kerana ada sumber penyebab. Menurut DuBrin (1984) bahawa pada amnya penyebab konflik dalam suatu organisasi kerana kurangnya koordinasi kerja antara kumpulan dan lemahnya sistim pengawasan. Mengikut Tosi, et al (1990) mengtakrifkan sumber konflik iaitu ciri-ciri individu, situasi kerja, dan struktur organisasi.

Yang dimaksudkan penyebab konflik dalam kajian ini adalah berlakunya konflik dalam suatu organisasi yang disebabkan oleh perkara seperti berikut (i) kurangnya koordinasi; (ii) lemahnya sistem pengawasan; (iii) ciri-ciri individu; (iv) situasi kerja; (v) struktur organisasi.

1.12.2.5 Pengurusan Konflik

Yang dimaksudkan dengan pengurusan konflik dalam kajian ini adalah suatu bentuk pengurusan konflik dengan menggunakan suatu strategi pengurusan konflik yang boleh merubah konflik destruktif menjadi konflik konstruktif dalam mencapai

matlamat organisasi. Strategi pengurusan konflik yang dipilih adalah yang ditawarkan oleh Moore (2003) iaitu mengelak, pengurusan masalah secara informal, perundingan, penghantaran, penimbangtaraan, campur tangan pihak berkuasa yang cekap dan campur tangan lembaga politik.

1.12.3 Strategi

Menurut Sanjaya (2007) strategi diertikan sebagai perancangan yang mengandungi tentang rangkaian kegiatan yang direka untuk mencapai matlamat pendidikan tertentu. Mengikut Mintzberg (1994) bahawa strategi sebagai perancangan di mana suatu petunjuk akan diguna dalam menjalankan aktiviti pada masa hadapan.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan strategi adalah suatu cara atau perancangan yang mempunyai nilai lebih mengandungi kegiatan yang direka untuk mencapai matlamat dan kejayaan organisasi pada masa hadapan.

1.12.3.1 Mengelak

Menurut Moore (2003) mengelak iaitu pihak-pihak yang berkonflik saling mengelak dan berharap konflik boleh terselesaikan dengan sendirinya. Manakala Gibson (2004) dan Spiegel (1994), mengelak iaitu hasrat untuk menarik diri daripada suatu konflik, atau keinginan untuk menekan konflik yang ada.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan mengelak adalah pihak-pihak yang berkonflik berhasrat untuk menarik diri daripada suatu konflik dengan cara saling mengelakkan, menanggungkan sehingga memperoleh maklumat dan berharap konflik boleh diselesaikan dengan sendirinya.

1.12.3.2 Pengurusan Masalah secara Informal

Menurut Moore (2003) pengurusan masalah secara informal adalah pihak-pihak yang berkonflik setuju dengan pemecahan masalah yang diperoleh secara informal. Sedangkan Kaufman (2006) bahawa perdamaian adalah strategi pengurusan konflik yang baik untuk diguna mengubah sikap permusuhan. Perdamaian merupakan strategi pengurusan konflik yang tergolong informal.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan pengurusan masalah secara informal adalah pihak-pihak yang berkonflik bersetuju untuk menguruskan masalah secara informal untuk mengubah sikap permusuhan dan meredakan rasa ketakutan.

1.12.3.3 Perundingan

Menurut Moore (2003) perundingan iaitu apabila konflik masih tetap berterusan, maka para pihak yang berkonflik perlu melakukan rundingan iaitu mencari jalan keluar dan pengurusan masalah secara formal. Sedangkan Cribbin (1985) perundingan adalah pihak-pihak yang berkonflik lebih menumpukkan pada kepentingan yang luas dan tidak hanya berkisar pada kepentingan sempit, misalnya kepentingan individu, kumpulan, golongan, atau etnik bangsa tertentu melalui usaha tawar-menawar.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan perundingan adalah pihak-pihak yang berkonflik perlu melakukan rundingan untuk mencari jalan keluar untuk kepentingan yang lebih luas, bukan hanya kepentingan individu, kumpulan atau etnik bangsa tertentu.

1.12.3.4 Penghantaran

Menurut Moore penghantaran adalah munculnya pihak ketiga yang diterima oleh kedua-dua pihak kerana dipandang boleh membantu para pihak yang berkonflik dalam menguruskan konflik secara murni. Sedangkan Cribbin (1985) bahawa penghantaran dijalankan jika pengurusan konflik menemui jalan buntu. Masing-masing pihak boleh memujuk pihak ketiga untuk menjadi perantara yang berperanan secara jujur dan adil serta tidak memihak.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan dengan penghantaran adalah munculnya pihak ketiga yang diterima oleh kedua-dua pihak untuk menjadi perantara dan dipandang boleh membantu para pihak yang berkonflik dalam menguruskan konflik secara jujur dan adil serta tidak memihak.

1.12.3.5 Penimbangtaraan

Penimbangtaraan menurut Moore (2003) adalah suatu proses tanpa paksaan daripada pihak-pihak yang berkonflik untuk mencari pihak ketiga yang dipandang neutral atau imparial. Sedangkan Winardi (1994) bahawa penimbangtaraan adalah dimana pihak-pihak yang berkonflik tunduk terhadap keputusan pihak ketiga.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan penimbangtaraan adalah pihak-pihak yang berkonflik tunduk terhadap pihak ketiga kerana dipandang neutral atau imparial dalam membuat keputusan pada pengurusan konflik.

1.12.3.6 Campur Tangan Pihak Berkuasa Yang Cepak

Campur tangan pihak berkuasa yang cepak adalah salah satu strategi pengurusan konflik yang akan diguna dalam kajian ini. Menurut Moore (2003)

campur tangan pihak berkuasa yang cekap adalah berlakunya campur tangan yang dilakukan oleh lembaga-lembaga berkuasa dalam memberi kepastian hukum mengikut Undang-Undang. Kepastian hukum dalam suatu organisasi yang mengalami konflik memerlukan campur tangan daripada lembaga lain dalam menguruskan konflik termasuk pada organisasi persekolahan.

Dalam kajian ini yang dimaksud dengan campur tangan pihak berkuasa yang cekap adalah melibatkan lembaga lain yang berkuasa dan cekap baik secara individu mahupun secara berkumpulan dalam menguruskan konflik di sekolah.

1.12.3.7 Campur Tangan Lembaga Politik

Campur tangan lembaga politik menurut Moore (2003) adalah campur tangan melalui musyawarah politik daripada lembaga perwakilan rakyat, konflik seperti ini kerap diguna pada konflik polisi. Lembaga politik sebagai institusi perundangan polisi awam mempunyai potensi kekuatan dalam pengurusan konflik yang bijak dalam melerai individu atau kumpulan yang bertikai baik inter ataupun antara organisasi termasuk di organisasi pendidikan kerana institusi tersebut ada pada tahap desa, kecamatan, Bandar/daerah, daerah, dan pusat.

Dalam kajian ini yang dimaksud dengan campur tangan lembaga politik adalah melibatkan campur tangan lembaga perwakilan rakyat termasuk pada tahap desa, kecamatan, Bandar/daerah, daerah, dan pusat yang mempunyai kekuatan pengurusan konflik melalui musyawarah politik khususnya yang berkaitan dengan penentuan polisi sebagai satu kesatuan dalam menguruskan konflik di sekolah.

1.12.4 Etnik

Menurut Delgado *et al.* (2001) bahawa etnik adalah sebagai kumpulan sosial yang dapat tersusun atas ras, agama dan negara asal. Sedangkan Barth (1988)

bahawa etnik merupakan himpunan manusia kerana kesamaan ras, agama, asal usul bangsa ataupun kombinasi daripada kategori tersebut yang terikat pada sistim nilai budaya.

Dalam kajian ini yang dimaksudkan etnik adalah kumpulan sosial yang ditentukan oleh kesamaan ras, adat istiadat, bahasa, nilai, dan norma budaya yang menunjukkan adanya kenyataan kumpulan yang minoriti mahupun majoriti dalam masyarakat.

1.12.4.1 Bugis

Bugis adalah salah satu etnik yang ada di Sulawesi Selatan. Etnik Bugis mempunyai bahasa tersendiri namanya bahasa Bugis dengan adat istiadat yang tercatat dalam Buku Lontara Latowa (Mattulada 1982). Menurut sikap hidup orang Bugis, bahawa tidak ada matlamat atau alasan hidup lebih tinggi daripada pada menjaga 'siri' dan apabila tersinggung atau dimalukan, mereka lebih memilih mati (Fachruddin at al, 1986).

Yang dimaksud dengan etnik Bugis dalam kajian ini ialah pengetua sekolah menengah atas di Makassar yang tercatat sebagai orang Bugis yang mempunyai alasan hidup lebih tinggi daripada pada menjaga 'siri' dan dengan siri ini juga mampu memperbaiki prilaku seseorang bahkan ketika mendapat masalah boleh menguruskan masalahnya sendiri.

1.12.4.2 Makassar

Makassar adalah salah satu etnik yang ada di Sulawesi Selatan. Mempunyai bahasa tersendiri iaitu bahasa Makassar dan adat istiadat yang tercatat dalam lontara Makassar (Mattulada, 1982). Falsafah hidup etnik Makassar adalah Siri'na pacce

yang berarti rasa malu, mereka menjunjung tinggi harga diri dan keluarga (Laica Marzuki, 1995).

Yang dimaksud dengan etnik Makassar dalam kajian ini ialah pengetua sekolah menengah atas di Makassar yang tercatat sebagai orang Makassar yang mempunyai falsafah hidup siri'na pacce yang berarti rasa malu, mereka menjunjung tinggi harga diri dan keluarga.

1.12.4.3 Toraja

Toraja adalah salah satu etnik yang ada di Sulawesi Selatan. Etnik Toraja majoriti menganut kepercayaan yang disebut Alukta dan mempunyai perbezaan dengan kepercayaan lain yang ada di Sulawesi Selatan. Etnik Toraja juga mempunyai bahasa tersendiri yang disebut bahasa Toraja (Mattulada, 1982). Etnik Toraja mempunyai adat ritual yang unik iaitu pesta rambu solo.

Upacara adat rambu solo biayanya cukup besar sampai milliaran rupiah sehingga etnik Toraja dikenali sebagai etnik terboros. Etnik Toraja adalah etnik yang sukar menerima perubahan, keras, dan bertanggung jawab. Maknanya adalah walaupun etnik Toraja sukar menerima perubahan, ia mempunyai sifat bertanggung jawab terhadap tugas yang dijalankan (Sitonda, 2005).

Dalam kajian ini yang dimaksud dengan etnik Toraja ialah pengetua sekolah menengah atas di Makassar yang tercatat sebagai orang Toraja yang mempunyai sifat bertanggung jawab terhadap tugas yang dijalankan walaupun ianya sukar menerima perubahan.

1.12.4.4 Mandar

Mandar adalah salah satu etnik yang ada di Sulawesi Selatan yang mendiami Kabupaten Mandar, Kabupaten Mamuju, sebahagian Kabupaten Polmas (Mattulada, 1982). Etnik Mandar mempunyai bahasa tersendiri iaitu bahasa Mandar. Sifat dan cirri-ciri orang Mandar adalah (1) mempunyai perangai yang lemah lembut, namun tersimpan kekuatan yang sukar diukur; (2) mempunyai etos kerja yang tinggi; dan (3) merupakan individu yang terus berupaya membentuk pribadi yang mandiri melalui latihan keras seperti kata “mandarra” (Sriesagimoon, 2009).

